

18 SEP 1996

Razali-Presiden

RAZALI BERIKRAR AKAN JADI PRESIDEN YANG PROAKTIF

BANGSA-BANGSA BERSATU, 18 Sept (Bernama) -- Tan Sri Razali Ismail, yang menjadi presiden Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) ke-51 pada Selasa berikrar untuk menjadi seorang presiden yang "proaktif", berusaha membawa perubahan dalam PBB.

Sebagai presiden, katanya, beliau akan dengan apa cara sekalipun mengelak daripada berlakunya kejadian pertumpahan darah dan pembunuhan beramai-ramai seperti di Bosnia dan Rwanda.

"Perkara in berlaku kerana kuasa politik mempengaruhi pakej menyelamatkan sebenar yang sepatutnya dilaksanakan PBB. Saya amat yakin bahawa jika PBB berpegang kepada nilai-nilai sejagat yang sebenar, peristiwa di Bosnia dan Rwanda tidak akan berlaku," kata Razali yang dilantik sebulat susra oleh 185 negara anggota.

Beliau percaya bahawa Malaysia boleh memberi sumbangan berkesan dalam PBB dengan sokongan institusi-institusi di Malaysia, Wisma Putra dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak fikir kita akan menyaksikan satu perubahan segera, tetapi saya akan berusaha ke arah rombakan Majlis Keselamatan. Jika kita (UNGA) boleh mewujudkan satu pakej yang akan memberi kepuasan kepada dua pertiga daripada keanggotaan PBB, saya bersedia untuk mengadakan satu pengundian, saya tidak akan menunggu satu persetujuan sebulat suara kerana ia bermakna mana-mana negara boleh menggunakan kuasa veto terhadap apa jua yang mereka tidak suka, katanya pada satu temubual beberapa jam selepas dilantik.

Katanya jika pakej pembaharuan itu yang akan menggalakkan perwakilan seimbang dan pembesaran keanggotaan dalam majlis, memberi manfaat kepada negara-negara membangun dan Pergerakan Berkecuali (NAM), "saya akan menyokongnya."

Sebagai seorang diplomat sejak 30 tahun lepas, Razali berkata beliau tidak pernah terfikir akan menjadi presiden UNGA. "saya selalu menganggap jawatan ini sebagai suatu yang bercorak adat-istiadat sahaja dan saya tidak berminat."

"Hanya sekarang dengan perubahan dalam NAM dan negara-negara membangun cuba menyeimbangkan hubungan antara Majlis Keselamatan dan Perhimpunan Agung maka konteks jawatan ini menjadi lebih menarik...lebih berfaedah."

Sementara tanggungjawab ini yang meliputi seliaan terhadap lima kumpulan kerja yang akan membantu membawa perubahan dalam PBB, merupakan satu cabaran baginya, Razali berkata ia juga menakutkan kerana tugas-tugas yang mengguntakan pada tahun-tahun mendatang.

Razali, yang dikenali kerana sikap berterus-terangnya sepanjang lapan tahun menjadi wakil tetap, berkata beliau tidak boleh lagi bersuara lantang dan mungkin perlu mengambil sikap berkecuali dalam memberikan pendapatnya sebagai presiden perhimpunan agung itu.

"Tetapi seorang presiden harus mengambil pendirian tegas dalam soal kemanusiaan, alam sekitar dan planet."

Beliau tidak mengelak daripada mengkritik Setiausaha Agung PBB Boutros Boutros-Ghali semasa ditanya mengenai hubungannya dengan setiausaha agung itu dan cubaan Boutros-Ghali untuk memegang jawatan berkenaan bagi penggal kedua.

"Ini bukannya permusuhan peribadi. Kita mahukan orang yang benar-benar layak untuk jawatan itu. Sebagai presiden Perhimpunan Agung, semasa pemilihan setiausaha agung saya berjanji akan melakukannya dengan telus dan adil. Kedudukan Malaysia tidak akan mempengaruhi pertimbangan saya -- kita

tidak akan melihat dari segi personaliti tetapi keputusan yang akan memberikan manfaat kepada anggota."

"Secara peribadi kami mesra -- bukannya kawan rapat -- (tetapi) tiada sebab kenapa kami tidak boleh bekerja sama," katanya.

Boutros-Ghali menyambut mesra diplomat Malaysia itu di atas pentas dewan perhimpunan agung PBB dengan memeluk Razali selepas beliau secara rasmi menerima tugas daripada bekas presiden Prof Diogo Freitas do Amaral dari Portugal.

Wakil tetap Amerika Syarikat Madeleine Albright yang turut mendengar ucapan sulung Razali menyifatkan ucapan itu sebagai memberikan nada permulaan yang penting bagi perhimpunan agung. "Beliau berkata tahun lepas kita merayakan tahun ini kita bersama bekerja -- ini serupa dengan agenda Amerika," katanya.

Wakil tetap dari Cameroon, Paul Bamela Engo menyifatkan Razali sebagai seorang yang dinamik dari sebuah negara yang dinamik yang tidak diragui lagi merupakan kebanggaan negara dunia ketiga.

Duta Korea Selatan ke PBB Soo Gil Park menyifatkan Razali sebagai berpengetahuan luas dan bertenaga dan yakin kepimpinannya akan membawa kemajuan kepada perhimpunan agung PBB.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Kongres Cendekiawan Melayu mengucapkan tahniah dengan pelantikan Razali.

Setiausaha kongres itu Datuk Wan Hashim Wan Teh dalam satu kenyataan berkata ia bangga dengan pemilihan itu kerana buat pertama kalinya anak Malaysia diberi kepercayaan mengendalikan pertubuhan dunia yang berpengaruh dan berprestij itu.

-- BERNAMA

SH RHM RON